



Ruj Kami : JP BBT 207/SAFE/294/B/33 ()

Tarikh : 26 Jun 2019

Kepada yang berkenaan,

Tuan/Puan,

NOTIFIKASI TERHADAP PRODUK *PULP* DURIAN MALAYSIA KE AUSTRALIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, pihak Jabatan Pertanian telah menerima notifikasi ketidakpatuhan produk *pulp* durian yang disejukkan (*chilled durian segments*) dari pihak Department of Agriculture and Water Resources (DAWR), Australia.
3. Melalui notifikasi yang dihantar, DAWR menyatakan bahawa pengimportan produk durian *pulp* (isi serta biji) dari Malaysia ke Australia yang disejukkan tidak mengikut syarat pembungkusan yang telah ditetapkan oleh Australia. Pihak pengeksport diwajibkan mengikut segala syarat yang ditetapkan supaya produk yang dieksport tidak ditahan.
4. Syarat pembungkusan yang ditetapkan oleh pihak Australia adalah seperti berikut:
 - i. *Pulp* durian hendaklah dibungkus di dalam dulang atau kotak plastik yang lutsinar, bersih dan jelas.
 - ii. Sebarang label, pelekat atau tulisan yang diletakkan pada pembungkus tidak boleh menghalang pandangan *pulp* dari luar (dari pandangan atas, bawah atau sisi).
 - iii. Sebarang pembungkusan di sekeliling *pulp* durian mestilah lutsinar. Kertas pengalasan yang menghalang pandangan *pulp* tidak dibenarkan
 - iv. Dulang, *punnet* atau pembungkus yang menghalang paparan produk yang jelas di dalam (dari semua arah) tidak akan dibenarkan dan akan ditahan

- v. Keadaan ini bagi memastikan bahawa pemeriksaan visual boleh dilakukan tanpa membuka bungkusan produk.

5. Sehubungan dengan itu, tindakan semua pihak terlibat mengenai perkara ini amatlah penting bagi memastikan pengeksporan durian dapat diteruskan. Untuk keterangan lanjut, tuan/puan merujuk laman web Australian Biosecurity Import Conditions (BICON).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATIN JATIL ALIAH BINTI TIMIN)

Timbalan Pengarah
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan

s/k :

Ketua Pengarah Pertanian

Timbalan Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori)

Bahagian Perancangan Strategik

Ketua Seksyen Akreditasi dan Fasilitasi Eksport

Ketua Unit Fitosanitasi